

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	21 February 2016

Perdana Menteri utamakan masa depan rakyat

UM - 21/2/2016

KUANTAN 20 Feb. - Masyarakat di kawasan Pekan menikmati pembangunan menerusi transformasi kawasan itu yang berterusan sehingga menarik perhatian pelabur luar sejak Datuk Seri Najib Tun Razak menjadi ahli Parlimen kawasan tersebut dan Perdana Menteri.

Menurut Timbalan Ketua UMNO Bahagian Pekan, Datuk Abu Bakar Harun, sejak menceburkan diri dalam politik 40 tahun lalu, rakyat sentiasa menjadi keutamaan Najib sehingga beliau menjadi pemimpin nombor satu negara ketika ini.

"Tempoh 40 tahun Datuk Seri Najib melibatkan diri dalam politik adalah jangka masa yang panjang



ABU BAKAR HARUN

dan itu membuatkan beliau 'masak' dengan elok belok dan asam garam dalam dunia politik.

"Datuk Seri Najib sentiasa mengutamakan kepentingan dan masa depan negara serta orang ramai. Bagi beliau, rakyat adalah keutamaan dan segala perancangan dilakukannya adalah demi mereka. Bukan untuk seketika tetapi bagi

jangka masa panjang," katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Abu Bakar yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chini berkata, Najib selaku Ahli Parlimen Pekan memastikan kawasan itu semakin membangun termasuk dalam aspek pendidikan seperti menerusi kewujudan Universiti Malaysia Pa-

hang (UMP) dan Universiti Automotif Malaysia DRB-Hicom.

Selain itu, katanya, Pekan juga merupakan pusat automotif melalui kejayaan menarik pengeluar automotif antarabangsa seperti Mercedes-Benz, Volkswagen, Isuzu dan Suzuki untuk beroperasi di kawasan tersebut.

"Kejayaan ini mentransformasikan Pekan menjadi sebuah pusat automotif yang terkenal dan pesat membangun. Kehadiran jenama-jenama besar itu bukan sahaja memberi manfaat dan faedah dalam bidang perniagaan, malah mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat," katanya.

Tambah beliau, segala pembangunan yang dilaksanakan di kawasan Parlimen Pekan adalah bagi memastikan penduduk termasuk golongan muda dapat menikmati arus pembangunan yang dibawa oleh Barisan Nasional (BN).